



SIARAN MEDIA

PEMBUKAAN PUSAT INFORMASI REFUGIA BANTU PENYELIDIKAN MARIN NEGARA : DOF

MERSING, 20 November: Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah membuka secara rasmi sebuah Pusat Informasi Refugia Perikanan di Malaysia yang bakal membantu kepada penyelidikan perikanan negara.

Menurut Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi berkata, Pusat Informasi Refugia ditubuhkan sebagai pusat rujukan teknikal mengenai spesies udang karang dan spesies marin terancam di kawasan Tanjung Leman, Johor. Penubuhan pusat ini telah mendapat sokongan daripada Johor Corporation sebagai tanggungjawab sosial korporat mereka terhadap pengurusan sumber perikanan. Jalinan kerjasama antara pihak kerajaan dan pihak swasta ini bakal memberikan satu impak besar kepada industri perikanan khususnya di negeri johor ini, ujarinya lagi.

Tambah Munir lagi, Projek 'Penubuhan dan Pengoperasian Sistem Refugia Perikanan di Laut China Selatan dan Teluk Siam' yang salah satunya di Tanjung Leman, Mersing ini merupakan satu inisiatif serantau daripada *United Nations Environment Programme* (UNEP) dan *Global Environment Facility* (GEF) melalui *Southeast Asian Fisheries Development Center* (SEAFDEC) bagi mengurus dan memulihara spesies dan habitat marin yang penting di rantau Asia Tenggara. Projek ini telah disertai oleh enam (6) buah negara

serantau iaitu Cambodia, Indonesia, Malaysia, Philippines, Thailand dan Vietnam.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pembukaan Pusat Informasi Refugia di sini hari ini. Turut hadir sama Raja Bidin Raja Hassan, Pengarah Institut Marin Asia Tenggara (ISMAT) dan Zamani Omar, Pengarah Perikanan Negeri Johor.

Mengulas mengenai penyertaan Malaysia dalam Projek Refugia SEAFDEC/UNEP/GEF sejak tahun 2013 lepas, Munir berkata ia merupakan komitmen negara dalam menyokong usaha-usaha di peringkat serantau bagi memastikan sumber perikanan diurus secara mampan. Sebanyak dua kawasan telah dicadangkan sebagai tapak refugia di Malaysia iaitu Tanjung Leman, Johor bagi spesies udang karang dan Kuala Baram, Sarawak bagi spesies udang harimau. Projek ini akan melibatkan komponen penyelidikan saintifik, konsultasi dengan pihak yang berkepentingan dan program pendidikan serta kesedaran awam, jelas Munir lagi.

###

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi;

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Tel : 012- 356 9344 (Yazeereen)

013- 631 7313 (Mohd Sharir)

Emel : pro@dof.gov.my / ukk@dof.gov.my